

CABARAN PENGANJURAN WEBINAR DENGAN MENGGABUNGKAN KAEDAH PENERBITAN KAMERA BERBILANG (MCP)

BAHTIAR MOHD NOR

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

bahtiar@kuis.edu.my

ZAIRIL AZMIR ZAIYADI

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

zairilazmir@kuis.edu.my

NORAZIRAWATI AHMAD

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

norazirawati@kuis.edu.my

ABSTRAK

Sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang dikenakan oleh pihak kerajaan Malaysia untuk membendung wabak Covid-19, segala aktiviti seminar perlu dijalankan secara dalam talian. Pelbagai kaedah digunakan oleh pihak penganjur seminar untuk memastikan sasaran dan objektif seminar dapat dicapai. Tujuan kajian ini adalah untuk mengenalpasti tahap keberkesanan pengendalian seminar dalam talian yang menggabungkan kaedah penyiaran serta mengenalpasti cabaran pengendalian seminar dalam talian menggunakan konsep penerbitan kamera berbilang (MCP). Sampel kajian diambil dari penganjuran 7th International Conference on Management and Muamalah 2020 (7th ICoMM 2020) yang dianjurkan oleh Fakulti Pengurusan dan Muamalah, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor. Hasil dapatan menunjukkan strim langsung menjadi platform komunikasi antara penyiar dengan penonton dan mewujudkan interaksi sosial sesama mereka.

Kata Kunci: *Seminar, Penyiaran, MCP, Perintah Kawalan Pergerakan, striming*

PENGENALAN

Ekoran kerajaan mengisytiharkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang berkuat kuasa pada 18 Mac hingga 31 Mac 2020 (dan kemudiannya disambung sehingga 14 April 2020 dan seterusnya sehingga 28 April 2020) di seluruh negara bagi mengekang penularan COVID-19, maka dalam tempoh itu MAJLIS Keselamatan Negara (MKN) telah mengeluarkan senarai aktiviti-aktiviti yang tidak dibenarkan. Antara aktiviti yang tidak dibenarkan oleh MKN adalah Ceramah/Seminar/Kursus/Latihan secara bersemuka (Berita Harian, Mei 1, 2020). Ini memberi kesan kepada banyak institusi pengajian tinggi yang menjalankan seminar dan persidangan yang menjadi sebahagian daripada aktiviti akademik mereka. Oleh yang demikian, mod persidangan dan seminar yang telah dirancang terpaksa ditukar dari bentuk konvensional kepada bentuk dalam talian bagi memenuhi norma baharu semasa tempoh kawalan pergerakan yang dikenakan oleh pihak kerajaan.

Antara seminar yang dijalankan secara dalam talian bagi memenuhi keperluan norma baharu ini adalah 7th *International Conference on Management and Muamalah 2020* (7th ICoMM 2020) yang telah dianjurkan oleh Fakulti Pengurusan dan Muamalah, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS). Selain daripada seminar ini dijalankan secara dalam talian, ia juga adalah kali pertama bagi sesebuah seminar seumpama ini menggunakan kaedah 'web broadcast'. Kebiasaannya, seminar dalam talian (webinar) yang dijalankan menggunakan aplikasi Google Meet, Zoom dan sebagainya yang tidak memerlukan kepada variasi 'shot'. Bersandarkan kepakaran dalam Komunikasi Penyiaran yang ada, penerbitan secara penyiaran 'Multiple Camera Production' (MCP) telah berjaya dilaksanakan dengan baik (Sudirman Mohd Tahir, November 16, 2020).

Penerbitan kamera berbilang (MCP) merupakan dua atau lebih kamera yang digunakan untuk memfilemkan sesebuah acara, pertunjukan muzik atau persembahan teater, sukan atau produksi yang digunakan secara meluas di televisyen (Langham, 2021). Justeru menjadi kelebihan utama MCP dalam menambah tarikan visual kepada mana-mana persembahan langsung atau penyuntingan penerbitan.

Antara cabaran persembahan langsung adalah bentuk sokongan segera bergantung kepada penonton termasuk mesej dalam bentuk komen persembahan dan menjawab soalan yang menjadi sasaran petanda aras penonton semasa siaran langsung dan menjadi cabaran untuk meningkatkan jumlah 'suka', untuk menambah jumlah penonton dan meningkatkan penglibatan penonton yang menunjukkan bentuk suara menentukan prestasi pekerja kreatif sekaligus memberi tekanan kepada penyiar (Meisner & Ledbetter, 2020).

Berdasarkan permasalahan ini, kajian ini dijalankan untuk mengkaji perkara-perkara berikut:

1. Menenalpasti tahap keberkesanan pengendalian seminar dalam talian yang menggabungkan kaedah penerbitan kamera berbilang (MCP).
2. Menenalpasti cabaran pengendalian seminar dalam talian menggabungkan kaedah penerbitan kamera berbilang (MCP).

SOROTAN LITERATUR

Platform strim langsung dan menggunakan media sosial menjadi keperluan semasa dan keperluan penjenamaan diri kepada khalayak, penaja korporat dan bakal peserta (Meisner & Ledbetter, 2020). Pengkaji lepas ada membincangkan strategi penggunaan Facebook untuk memanfaatkan pengembangan teknologi komunikasi baharu yang dikenali sebagai 'live streaming video' atau 'sosial streaming' (Rein & Venturini, 2018). Mereka mendapati tahap profesionalisme meningkat dan boleh memberi manfaat kerana rangkaian orang menonton video langsung tiga kali lebih lama dan memberi komen sepuluh kali lebih kerap berbanding video biasa. Sejak diperkenalkan ciri Facebook Live ini, platform tersebut telah mendorong perkhidmatan baharu dengan infrastruktur teknikal dan komersilnya, bahkan dapat mengubah suai berita algoritma untuk yang menggemari video langsung (Rein & Venturini, 2018).

Kajian-kajian mengenai tingkah laku pengeluaran dan penerimaan maklumat (menonton aliran dan memberi komen tentangnya) mendapati pengguna suka menonton streaming langsung, mereka berbual sambil menonton dan memberi penghargaan kepada para aktor dengan menggunakan emotikon (Scheibe et. al., 2016). Zimmer et. al. (2018) menumpukan kepada corak komunikasi di media sosial ketika *real time* meneliti komen yang ditulis oleh peserta semasa siaran langsung, menyimpan kandungan komen dan jenis pengguna yang menulisnya. Selain itu, pelbagai aspek aliran langsung seperti tempohnya, bilangan penonton,

bilangan suka dan kandungan. Kandungan pada platform streaming langsung banyak memanfaatkan interaksi sosial antara penyiar dan penonton (Meisner & Ledbetter, 2020).

Teori

Dalam membicarakan hal berkaitan *encoding/decoding*, Hall (2003) menyatakan bahawa:

“The institutional structures of broadcasting, with their practices and networks of production, their organized relations and technical infrastructures, are required to produce a program. Using the analogy of Capital, this is the ‘labor process’ in the discursive mode. Production, here, constructs the message. In one sense, then, the circuit begins here. Of course, the production process is not without its ‘discursive aspect: it too is framed by meanings and ideas: knowledge-in-use concerning the routines of production, historically defined technical skills, professional ideologies, institutional knowledge, definitions and assumptions, assumptions about the audience and so on frame the constitution of the program through this production structure.”

Menurut Hall, dalam penerbitan sesebuah program televisyen, prosesnya dimulai dengan pembentukan mesej (*encoding*). Proses ini didasari oleh amalan-amalan serta rangkaian produksi sesebuah institusi penyiaran tersebut, hubungan tersusun mereka serta infrastruktur teknikal yang mereka miliki.

Di dalam gambarajah 1 di bawah juga dapat dilihat bahawa dalam proses *encoding/decoding* ianya ditunjangi oleh tiga (3) faktor, iaitu: 1. *frameworks of knowledge* 2. *relations of production* 3. *technical infrastructure* yang diperlukan dalam pembentukan *meaning structure 1*.



Gambarajah 1. Encoding/ Decoding (Hall, 2003)

Dalam teori Hall (2003), mengambil contoh BBC iaitu sebuah badan penyiaran umum yang mempunyai infrastruktur yang besar, seperti kamera, kawasan studio, pelantar pencahayaan serta unit-unit produksi bergerak yang terdapat di serata negara. Disebabkan oleh infrastruktur teknikal (*technical infrastructure*) yang mereka miliki, mereka mempunyai kemampuan untuk menyiasat sesuatu isu ataupun memperdebatkan perkara yang diketengahkan dalam sesebuah tajuk utama berita (*headline*).

Selain itu, perhubungan produksi (*relations of production*) pula merujuk kepada kru yang terlibat dalam sesebuah program. Hall (2003) cuba untuk membawa perhatian kita kepada bagaimana sesuatu mesej dikod oleh penerbit, pembaca berita, editor bahan (*content editor*), pengoperasi kamera (*camera operator*), serta juruteknik-juruteknik lain yang membantu dalam menyiarkan berita. Menurut Teori Resepsi Hall, mesej-mesej dikod (*encoded*) dan tanda-tanda (*signs*) yang digunakan untuk menghantar maklumat ini adalah dipengaruhi oleh proses produksi.

METADOLOGI

Bahagian ini membincangkan metodologi yang digunakan, prosedur pengumpulan dan analisis data.

Metadologi Kajian

Kajian ini menggunakan kaedah analisis kandungan kualitatif dan temubual mendalam bersama ketua penerbitan di syarikat televisyen iaitu Ketua Penerbitan WOW Shop, Media Prima Berhad dan Eksekutif Produser CUEPRO Productions Sdn. Bhd.

Manakala kaedah analisis kandungan adalah meneliti laman Facebook Icomm Fpm semasa strim langsung (*live streaming*) perasmian webinar 7th ICoMM 2020 FPM, KUIS. Fokus adalah kepada sesi pembukaan dan perasmian 7th ICoMM 2020 yang meliputi ucapan alu-aluan, pembukaan dan uapnama (keynote speech). Acara pembukaan dan perasmian ini disiarkan melalui strim langsung (live stream) menggunakan platform Facebook Live. Bahan kajian yang digunakan untuk dianalisa adalah jumlah Komen, Suka, Tonton dan Kongsi di laman Facebook tersebut.

Prosedur Pengumpulan Data

Semua komen, suka, lihat dan kongsi di strim langsung perasmian webinar 7th ICoMM 2020 melalui laman *Facebook* Icomm Fpm dikumpulkan dalam satu senarai pengkalan data. Data juga diambil dari pemerhatian semasa proses pelaksanaan kerja di studio MCP KUIS sewaktu program perasmian webinar 7th ICoMM 2020 dilaksanakan.

Prosedur Analisis Data

Bahan-bahan tersebut diasingkan mengikut tema yang telah ditetapkan oleh penyelidik bagi memudahkan analisa dibuat perasmian webinar ini dijalankan dengan kaedah penerbitan kamera berbilang (MCP).

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Jadual 1. Data Strim Langsung Video Perasmian 7th ICoMM 2020

Data	Jumlah
Komen	147
Suka	88
Lihat	1200
Kongsi	36


Gambar 1. Strim Langsung Perasmian ICoMM 7 2020 di Laman Facebook Icomm Fpm pada 4 November 2020



Platform komunikasi pencipta kandungan dengan penonton

Reka bentuk siaran langsung membina ruang intim dan memupuk persepsi positif apabila mereka Lihat dan memberi Komen kandungan siaran langsung. Pemberian tanda Suka (like) daripada penonton merupakan hadiah maya (virtual gifts) kepada penyiar. Penonton dapat merasai 'momen' secara langsung dan turut Kongsi (share) di platform media sosial yang lain. Sejumlah 1,200 penonton telah memberikan 147 Komen dan 88 telah memberikan tanda Suka selain 36 turut Kongsi program strim langsung.

Jadual 2. Komen Strim Langsung Video Perasmian 7th ICoMM 2020

Tema Komen	Peratus (%)	Sampel Komen
Ucapan tahniah	40.8	-Alhamdulillah. Congrats team ICoMM 7. well done -Tahniah 👍❤️ -Congratulations team ICoMM7!! Well deserved!! -Well done team ICOMM 7 & Everyone involvef 👍👍 -Congratulations team ICOMM7 -Tahniah team ICOMM7 dan FPM -Congratulations 7th ICOMM team & FPM -Tahniah kepada semua -Congratulations to all the winners! -Tahniah 🙌🙌🙌  -congratulations Dr Mariam & team -congratulations Pn.Hawa -Tahniah kak.. 🙌 -Tahniah. Mantoppp -Congrats to all the winners. -Congratulations 7th ICOMM team -Tahniah kepada semua pemenang Best Paper Award -Congratulations 7th ICOMM - Congratulations for FPM KUIS. - Cngrade Dr Norziah n team icomm. Trbaikkk - Congrats to FPM & organizing team 
Respon terhadap kandungan ucaptama seminar (Prof Inayah) dan ucapan alu-aluan (KUIS Rector)	16.3	-Qualified as qualified students ..another key point for all lecturers..lets do it again for ummah -KUIS has been equipping B40 students ever since. It is KUIS's main purpose of existence esp to S'gor state. Now, B40 issue is currently being emphasised n highlighted. Alhamdulillah. InshaAllah we will continue to serve the community. May we be in His Blessings always. Amin. -TQ Prof Dato..peaceful living for mental health - Terbaek alhamdulillah 🙌🙌🙌🙌 - Good sharing Prof Dato' 👍 Tqvm

		- Terbaik Prof Datuk Inayah 👍👍👍 - Thanks a lot, Prof Dato for the valuable knowledge - thanks prof Datuk for the great input for us - Thank you so much Prof Datuk. - > focus on B40 students - Good info - B40. Society 5.0. -Harmonized and improved characteristics. - Good input frm Prof - agree with all opinion - Nurture students to become good leaders ..see the global picture ..mainstream the adab first ..of course - Points to ponder from the keynote speech .. B40 students .. getting them employed by the industry .. for ummah indeed 🌹 - Nor Adha Ab Hamid It's better to mould them as job creators and provide the required skills, knowledge, environment, practical experience and financial support. - Really good input from Prof. - Curriculum for B40 student berkait rapat dgn webinar semalam dgn BIMB. Panel Sir Firdaus. - Flexible curriculum design for B40 students..intresting topic by Prof Inayah - Asnaf B40 current issue in society 👍👍👍 - Good speech Dato Rector 👍👍📖📖 - Such a real speech by Dato' Rector 👍
Kaedah penyampaian visual seminar	1.4	- The new norm for the conference. Congrats to the organizing team. A good experience for all in general and me as a presenter particularly. - Such a real virtual conference ... One of its kind .. Congrats again 👍👍
Lain-lain	41.5	- Assalamualaikum everyone - om kita kasi trending. Like banyak² tanda support -Salam. Semoga dipermudahkan semua urusan..amin.. -#jommasukhuis -ok sure, In Shaa ALLAH -Alhamdulillah -Alhamdulillah. Tq all for participating in this virtual session. Don't forget our afternoon session that begins at 2.30pm


		-Alhamdulillah. Tq. Dr.  -Thank you so much ICoMM 7 -MasyaAllah 🤗🤗🤗 -Alhamdulillah..thank you all. -Thank you -Waaaaa -Yunita Awang tqsm for your support -TQ very much -yesssss -Proud to be a student -proud to have you as student too -Thank you Dr. ❤️❤️❤️❤️ -Nor Hakimah tqsm Dr for your support -Ni datuk prof Inayah 👍 -Yes, she is our keynote speaker. - Sama sama semua n all the best till we meet again, best regards from Prof datuk dr inayah - KUIS ❤️❤️❤️ is the Best.   - Thank you Dr Nor Adha Ab Hamid, Dr Zetty Nurzuliana Rashed, Dr Norfazila, En Ahmad Yani and all friends for your continuous amazing support. 🤗🤗🤗 - MC comel - all the best - Waalaikumsalam wrt. Thank you for supporting us. 
--	--	--

Gambar 2. Contoh-Contoh Komen Semasa Strim Langsung Perasmian ICoMM 7 2020 di Laman Facebook Icomm FPM pada 4 November 2020

Interaksi sosial antara penyiar dan penonton

Kemampuan untuk berinteraksi dengan pencipta kandungan semasa proses penciptaan kandungan merupakan potensi dan kredibiliti pemasaran digital penstriman langsung. Majoriti interaksi mereka adalah khalayak memberi ucapan tahniah dan melahirkan kesyukuran kelancaran sepanjang program berlangsung iaitu sebanyak 40.8% daripada komen-komen adalah pujian terhadap penyiar dan penganjur program. Peranan komen-komen dalam bentuk

pujian terhadap kandungan ucap tama seminar (Prof. Dr Inayah) dan ucapan alu-aluan (Rektor KUIS) memberi aspirasi kerja, usaha mempromosi jenama peribadi dan memaksimumkan penglibatan penonton. Penonton memberi komen menyokong dan bersetuju dengan kandungan ucap tama seminar yang menetengahkan isu terkini seperti golongan B40 dan menyumbang kepada komuniti. "...topik menarik...Asnaf B40 isu terkini dalam masyarakat".



Cabaran Pelaksanaan Penerbitan Kamera Berbilang (MCP) untuk Strim langsung Video Perasmian 7th ICoMM 2020

Banyak perniagaan sedar faedah sosial yang dapat diperolehi apabila bergabung dan penstriman langsung yang memberikan peluang dan cabaran baharu kepada akademik (Addo et al., 2021). Antara peluang dan cabaran kepada penyiar adalah keterlibatan sukarela penonton menjadi cabaran kepada penyiar untuk meningkatkan jumlah Suka dalam kalangan penonton. Ini kerana lebih banyak Lihat, Komen, Suka dan Kongsi menjadi kayu ukur kepada prestasi penyiar ketika siaran langsung manakala proses penyiaran secara berterusan akan mendapat lebih banyak pengikut (Meisner & Ledbetter, 2020).

Tarikan format versi 'tv sosial' yang menggabungkan teks pendek, video, gambar dan audio (van Dijck & Poell, 2015) ini menarik penonton dengan persembahan dan penyampaian pelbagai kombinasi visual. Menggabungkan media sosial dalam amalan penyiaran profesional memberi manfaat dari segi penggunaan MCP untuk memberi pilihan (syot) selain daripada

memberi tarikan kepada audiens dalam bentuk kombinasi visual. Visual yang digubah boleh menjadikan audiens lebih tertarik (terhadap persembahan atau penyampaian) selain dari mengelak audiens dari merasa bosan (S1). Penonton boleh mengakses tanpa gangguan dan percuma berpandukan format penyiaran atau garis panduan dan syarat untuk disiarkan di Facebook (van Dijck & Poell, 2015).

Bagi keperluan yang berkaitan dengan penstriman langsung, kebanyakan penerbit menegaskan bahawa untuk memupuk penglibatan dan fokus, kandungan mesti menarik secara visual dan sesuai untuk interaksi. Untuk mengekalkan perhatian penonton semasa penstriman langsung, penerbit berusaha untuk memberikan kepelbagaian syot supaya penonton dapat mengekalkan mood kerana format langsung boleh menjadi membosankan. Penonton mencapai kemuncaknya setelah kira-kira 10–15 minit siaran langsung video dan menemui keseimbangan yang sempurna antara kejutan (surprise), ketegangan (tension) dan ganjaran (reward) (Rein & Venturini, 2018).

Kedua-dua pengamal penyiaran bersetuju bahawa penggunaan penerbitan kamera berbilang (MCP) dapat menarik, memengaruhi dan mengekalkan minat dan mood audiens terhadap apa yang hendak disampaikan dan dipersembahkan. Hal ini juga dipraktikkan oleh Langham (2021).

“...manusia tak boleh fokus pada satu syot yang lama, jadi kita kena refresh mood, supaya audiens kita lebih fokus, Kalau kita tidak tukar-tukar syot audien akan bosan. Refresh mood itu maksudnya (kita perlu) tukar-tukar syot, dan itu lah tujuannya untuk refresh mood supaya audien sentiasa focus...” (S2)

KESIMPULAN

Pengendalian seminar dalam talian yang menggabungkan kaedah penyiaran serta mengenalpasti cabaran pengendalian seminar dalam talian yang menggabungkan kaedah penerbitan kamera berbilang (MCP) adalah berkesan. Ini dapat dilihat dari jumlah ‘komen’, ‘suka’, ‘lihat’ dan ‘kongsi’ yang agak tinggi terutamanya bagi ‘lihat’. ‘Komen’ yang dibuat oleh audiens menunjukkan tahap keterlibatan yang tinggi dan respon terhadap ucapan pembukaan/ perasmian dan ucapan juga baik. Terdapat empat aspek cabaran yang dikenalpasti semasa pengendalian seminar dalam talian menggunakan konsep MCP. Ini termasuk sumber manusia, peralatan, teknologi dan komunikasi. Kajian ini selari dengan teori yang digunakan dalam membicarakan hal berkaitan *encoding/decoding* yang menunjukkan bahawa faktor teknikal serta perhubungan produksi dapat membawa kepada pembentukan mesej yang jelas yang dapat ditafsir dengan betul oleh audien. Kajian masa depan perlu meneliti pengurus tadbir platform penstriman langsung.

Rujukan

- Addo, C., Prince Fang, J., Asare, A. O., & Kulbo, N. B. (2021). Customer engagement and purchase intention in live-streaming digital marketing platforms. *Service Industries Journal*, 0(0), 1–20. <https://doi.org/10.1080/02642069.2021.1905798>
- Fathurizki, A. & Malau, R.M.U. (2018) Pornografi Dalam Film: Analisis Resepsi Film “Men, Women & Children”. *ProTVF*, 2 (1), Maret 2018, 19-35.
- Hall, S. (2003) *Encoding/ Decoding*. In Miller, T. (Ed.), *Television: critical concepts in media and cultural studies* (4). London: Routledge
- Kronologi PKP setakat 10 April. (April 10, 2020). *Harian Metro*. <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2020/04/564864/kronologi-pkp-setakat-10-april>

- Langham, J. (2021) Multi-camera production. Retrieved from: <https://julianlangham.co.uk/portfolio/multi-camera-production/>
- Media-studies.com (t.th.) Encoding and decoding. <https://media-studies.com/audience/encoding-decoding/>
- Meisner, C., & Ledbetter, A. M. (2020). Participatory branding on social media: The affordances of live streaming for creative labor. *New Media and Society*. <https://doi.org/10.1177/1461444820972392>
- PKPB: Ini senarai aktiviti yang masih dilarang. (Mei 1, 2020). Berita Harian. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/05/683972/pkpb-ini-senarai-aktiviti-yang-masih-dilarang>
- Rein, K., & Venturini, T. (2018). Ploughing digital landscapes: How Facebook influences the evolution of live video streaming. *New Media and Society*, 20(9), 3359–3380. <https://doi.org/10.1177/1461444817748954>
- Scheibe, K., Fietkiewicz, K. J., & Stock, W. G. (2016). Information Behavior on Social Live Streaming Services. *Journal of Information Science Theory and Practice*, 4(2), 6–20. <https://doi.org/10.1633/jistap.2016.4.2.1>
- Sudirman Mohd Tahir (November 16, 2020) Bersidang dalam talian. <https://www.hmetro.com.my/akademia/2020/11/642182/bersidang-dalam-talian>
- Van Dijck, J., & Poell, T. (2015). Making public television social? Public service broadcasting and the challenges of social media. *Television and New Media*, 16(2), 148–164. <https://doi.org/10.1177/1527476414527136>
- Zimmer, F., Scheibe, K., & Stock, W. G. (2018). A model for information behavior research on social live streaming services (SLSSs). In *Lecture Notes in Computer Science (including subseries Lecture Notes in Artificial Intelligence and Lecture Notes in Bioinformatics)*: Vol. 10914 LNCS (Issue April 2019). Springer International Publishing. https://doi.org/10.1007/978-3-319-91485-5_33